

BIODATA

NORDIN HASSAN

Sasterawan Negara Malaysia yang ke 7 iaitu Noordin Hassan dilahirkan pada 18 Januari 1929 di Jalan Hatin, Pulau Pinang. Noordin Hassan memulakan persekolahan di Sekolah Menengah Perak Road, Pulau Pinang. Setelah itu, beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Inggeris Francis Light, Pulau Pinang. Setelah kekalahan Jepun, beliau melanjutkan pelajaran di Penang Free School. Pada tahun 1952, Noordin Hassan dihantar ke Kirkby College, Liverpool untuk persiapan menjadi guru terlatih. Semasa di Kirkby, beliau mendalami Kesusasteraan Inggeris dan Barat, terutamanya melalui karya Shakespeare, Sheridan, Goldsmith dan Moliere. Pada tahun 1962, beliau melanjutkan pengajian di Universiti London dalam bidang Pengajian Bahasa dan Sastera Inggeris. Pada akhir tahun 1976, beliau mengikuti kursus Drama dan Pembelajaran di Universiti of Newcastle.

Karya

Bagi Noordin Hassan, menulis adalah untuk menegakkan maruah, suatu pengabdian kepada bangsa dan mendapatkan keredhaan Allah. Darah seni pentas yang mengalir dari dalam diri Noordin diwarisi daripada ibu dan bapanya. Sepanjang penglibatannya sebagai penulis dan pengarah drama sejak tahun 1953, beliau telah menghasilkan lebih 30 puluh buah drama dan koreografi tari. Penglibatan beliau dalam bidang kesusasteraan tertumpu dalam bidang drama dan teater. Noordin Hassan terkenal dengan gelaran 'Datuk Drama dan Cikgu Drama'. Antara pembaharuan yang dilakukan oleh beliau ini adalah seperti mengetengahkan konsep teater fitrah serta sering bereksperimen dengan bentuk drama baru berlandaskan tradisi budaya Melayu. Noordin Hassan ialah seorang penulis drama yang menggunakan pemikiran intelektualnya. Karya-karya Noordin sering mencuit minda pembaca dan penonton dan melepaskan mereka di situ untuk mencari jawapan seterusnya. Antara karya Noordin Hassan yang ternama ialah *Bukan Lalang Ditiup Angin*, *Peran, 1400*, *Jangan Bunuh Rama-rama*, *Cindai*, *Sirih Bertepuk Pinang Menari*, *Demi Zaiton dan Sarah*. Teater-teater Noordin Hassan ini banyak dipentaskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noordin Hassan mempunyai beberapa kumpulan drama yang dibukukan seperti buku *Kumpulan Drama Bukan Lalang Ditiup Angin 1972* yang memuatkan dramanya *Tiang Seri Tegak Berlima dan Pintu*. Sebuah lagi kumpulan dramanya dinamakan *Anak Tanjung : Children of This Land (1999)*. Drama-drama beliau telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kesemua drama Noordin menyentuh pelbagai aspek kehidupan social di Malaysia, sejarah, spiritual dan kewujudan dari sudut fizikal dan mistikal. Hanya sebuah drama sahaja yang mengisahkan kehidupan seorang individu, iaitu J.M. Aziz. Noordin Hassan juga memilih satu bentuk drama yang bukan sahaja memaparkan persoalan dan pergolakan sosial, malah boleh pula memanifestasikan segala kekayaan kebudayaan Melayu. Salah satu ciri drama-drama Noordin Hassan yang boleh dikenal pasti ialah struktur persembahannya yang menggabungkan pergerakan (tarian), muzik, lakonan dan unsur teater tradisional, terutamanya bangsawan boria dan dikir barat. Beliau kerap menggunakan teknik *play within a play* seperti yang terdapat dalam "*Peran*", "*Cindai*", "*Anak Tanjung*", dan "*Sirih Bertepuk Pinang Menari*". Noordin sendiri menyifatkan persembahan drama beliau sebagai "satu percubaan yang digubah secara elektik" ("*Bukan Lalang Ditiup Angin*"), malah elektisme juga menjadi metode yang mendasari persembahan drama Noordin. Beliau juga mencirikan dramanya sebagai "*cetera irama*" ("*Tiang Seri Tegak Berlima*"). Noordin berteater sambil beriadah. Noordin mengakui bahawa bakat yang ada pada beliau harus digunakan untuk kebaikan demi menyatupadukan ummah dan rakyat Malaysia. Malah beliau menggelarkan teaternya sebagai "**teater fitrah**".

Anugerah

Antara anugerah yang pernah digondol oleh Noordin Hassan ialah Hadiah Sastera 1972 dengan drama *Bukan Lalang Ditiup Angin*, bintang Ahli Mangku Negara oleh Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1979, Anugerah Penulis S.E.A pada tahun 1987 dan Anugerah Sasterawan Negara pada tahun 1993 manakala pada tahun 1994 Noordin Hassan dianugerahkan Pingat Darjat Setia Pangkuan Negeri (DSPN) daripada kerajaan Pulau Pinang yang membawa beliau gelaran *Datuk*.

